



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000
Faks : 03- 8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

SIARAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

17 PENGUSAHA TERNAKAN IKAN SANGKAR SUNGAI PAKA DIBANTU JABATAN PERIKANAN

Dungun, 22 Oktober:- 17 pengusaha ternakan ikan sangkar di Sungai Paka telah dibantu oleh Jabatan Perikanan Malaysia melalui pemberian bantuan input perikanan seperti benih ikan, makanan ikan serta peralatan pukat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pemberian bantuan input perikanan ini diharap dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pengusaha ikan sangkar yang terjejas akibat dari kesan bencana alam seperti banjir serta pencemaran sisa pertanian.

Beliau berkata kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM90,500 bagi membantu pengusaha ikan sangkar di Sungai Paka sepanjang 2 tahun ini, ujarnya ketika ditemui pemberita selepas melakukan lawatan ke sangkar ikan terjejas di Sungai Paka di sini hari ini. Pada majlis ini, sebanyak 1,000 benih ikan siakap turut dilepaskan ke perairan umum. Yang turut hadir ialah Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan dan Zawawi Ali, Pengarah Perikanan Negeri.

“Jabatan Perikanan Malaysia telah diarahkan untuk membuat pemantauan berkala persampelan air disamping peranan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri yang melakukan pemantauan keatas kilang-kilang yang beroperasi disepanjang Sungai Paka ini” tegasnya lagi.

Sebagai langkah tambahan, penternak ikan perlu diberikan kursus pendedahan bagi meningkatkan pengetahuan tentang parameter air dan pemeriksaan kualiti air. Jabatan Perikanan akan membekalkan peralatan pemantauan kualiti air bagi memudahkan tindakan segera diambil bagi memastikan pengurusan sangkar sentiasa terjamin.

“Saya melihat kolaborasi dari pelbagai pihak seperti Jabatan Perikanan Malaysia, JAS, PETRONAS Gas Berhad (PGB), Persatuan Pencinta Alam (MNS) dan badan-badan NGO lain yang terlibat dan penduduk setempat mampu untuk mengekalkan keadaan ekosistem Sungai ini” ujarnya.

Sementara itu, mengulas mengenai fenomena banjir yang berkemungkinan akan melanda kawasan Pantai Timur, beliau memaklumkan mengenai Majlis Pelancaran Bulan Kesiapsagaan Nasional 2016 yang akan diadakan pada 22 Oktober 2016 di Kemaman, Terengganu.

“Daerah Kemaman dipilih sebagai lokasi pelancaran memandangkan ianya telah mempunyai satu system operasi piawai (SOP) apabila berlakunya bencana yang boleh menjadi tanda aras kepada negeri-negeri lain” ujarnya lagi.

####